



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 60/2026

KENYATAAN MEDIA
YB DR MOHAMMED TAUFIQ JOHARI
MENTERI BELIA DAN SUKAN

SUKMA XXII SELANGOR 2026 PERKUKUH PEMBANGUNAN
BAKAT, 132 ATLET BERPOTENSI KE SUKAN SEA 2027

26 OGOS 2026

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Sukan Negara (MSN), Majlis Sukan Negeri Selangor, Persatuan Sukan Kebangsaan, kontinjen-kontinjen negeri serta semua pihak yang telah menjayakan penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 yang berlangsung mulai 15 hingga 24 Ogos 2026.

Sekalung tahniah juga buat seluruh atlet, jurulatih, pegawai teknikal, pengurus pasukan, Sekretariat Tetap SUKMA, Sekretariat Penganjuran Tuan Rumah serta semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam memastikan kelancaran serta kejayaan temasya ini.

SUKMA XXII Selangor 2026 sekali lagi membuktikan temasya ini bukan sahaja menjadi medan persaingan atlet muda terbaik negara, malah terus berperanan sebagai platform penting untuk mengenal pasti, mencungkil dan membangunkan bakat-bakat baharu demi memastikan kesinambungan kecemerlangan sukan negara.

Tahniah kepada kontinjen tuan rumah, Selangor, yang muncul sebagai juara keseluruhan dengan 101 pingat emas, 73 perak dan 71 gangsa. Tahniah juga kepada kontinjen Wilayah Persekutuan dan Terengganu yang masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga keseluruhan.

KBS juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan berbasikal trek Terengganu serta perenang Selangor, Eliza Ai Shen Tan, atas kejayaan memperbaharui rekod kebangsaan pada temasya kali ini.

Pasukan berbasikal trek Terengganu yang dianggotai Nur Aieris Madhiah, Dahlia Hazwani, Ameera Alya dan Nur Aierin Wadhiah mencatat rekod baharu kebangsaan dengan catatan masa 4 minit 42.878 saat.

Eliza Tan pula memperbaharui rekod kebangsaan acara 100 meter gaya bebas wanita sebanyak dua kali, iaitu pada peringkat saingan dan juga final, dengan catatan masa 56.78 saat untuk merangkul pingat emas.

Pencapaian Atlet Program MSN

Pencapaian atlet di bawah program Majlis Sukan Negara (MSN) pada SUKMA kali ini amat membanggakan. Seramai 372 atlet daripada Program Podium, Pelapis dan Podium Berfasa telah bertanding dan menyumbang keseluruhan 373 pingat, terdiri daripada 180 emas, 99 perak dan 94 gangsa.

Secara keseluruhan, sebanyak 37 rekod baharu SUKMA dicatat pada temasya kali ini, dengan 14 daripadanya dipecahkan oleh atlet di bawah program MSN, merangkumi enam rekod olahraga, tiga rekod memanah dan lima rekod renang.

Antara atlet yang menyerlah ialah perenang bawah Program Pelapis, Shannon Yan-Qing Tan yang memenangi lapan pingat emas, manakala atlet Program Podium, Muhammad Dhuha meraih lima pingat emas. Atlet lain seperti Elvis Priestly Clement, Nur Elisha Rania, Adania Redzwan, Cadence The Zi Qi dan Danish Iftikhar turut mempamerkan prestasi cemerlang.

Selain itu, seramai 1,975 atlet yang dikenal pasti menerusi Program Bakat, Program Pembangunan Sukan Olimpik dan Program Khas MSN telah menyertai SUKMA kali ini. Daripada jumlah tersebut, 538 atlet berjaya menyumbang pingat kepada kontinjen negeri masing-masing.

Pencapaian ini menunjukkan program pembangunan atlet MSN terus memberikan impak positif sebagai satu rangkaian pembangunan sukan yang berterusan, bermula daripada pengenalan bakat, pembangunan atlet pelapis sehingga ke program prestasi tinggi negara.

Persiapan menuju Sukan SEA 2027

SUKMA XXII Selangor 2026 turut memberi peluang kepada KBS dan MSN mengenal pasti bakat untuk dipertimbangkan dalam persiapan menghadapi temasya Sukan SEA 2027 yang akan berlangsung di negara kita.

Berdasarkan penilaian awal sepanjang temasya, seramai 132 atlet, terdiri daripada 59 lelaki dan 73 wanita, telah dikenal pasti berpotensi untuk dipertimbangkan dalam persiapan ke arah Sukan SEA 2027.

Atlet-atlet ini akan terus dipantau dan dinilai berdasarkan prestasi semasa, konsistensi, kecergasan, status kecederaan, prestasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta keperluan setiap acara.

Memperkasakan SUKMA

Melangkah ke hadapan, KBS bersama-sama MSN dan semua pemegang taruh akan terus meneliti usaha untuk memperkasakan SUKMA sebagai platform pembangunan atlet, termasuk daripada aspek pembangunan dan pengenalpastian bakat, penyertaan atlet muda, standard pertandingan, pembangunan jurulatih, penggunaan data prestasi dan sains sukan serta laluan atlet ke program pembangunan kebangsaan.

Usaha ini penting bagi memastikan SUKMA terus menjadi medan yang berkesan untuk melahirkan lebih ramai atlet berprestasi tinggi yang akan mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

Kepada atlet yang berjaya meraih pingat, jadikan kejayaan ini sebagai permulaan untuk melangkah ke tahap yang lebih tinggi. Kepada atlet yang belum berjaya, jadikan pengalaman sepanjang temasya ini sebagai dorongan untuk terus meningkatkan prestasi.

Temasya ini sekali lagi membuktikan bahawa Malaysia mempunyai pangkalan bakat sukan yang besar. Tanggungjawab kita adalah untuk memastikan bakat-bakat ini terus dibangunkan menerusi sistem yang berkesan, sokongan yang mencukupi dan laluan prestasi yang jelas.

Kejayaan yang dicapai sepanjang SUKMA XXII Selangor 2026 merupakan hasil dedikasi, kerja keras dan semangat juang tinggi seluruh warga sukan negara. Semoga pencapaian ini terus menjadi pemangkin kepada pembangunan bakat, peningkatan prestasi serta kecemerlangan sukan Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

YB DR. MOHAMMED TAUFIQ JOHARI
MENTERI BELIA DAN SUKAN

